# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

12 Januari 2012
*12 January 2012*
P.U. (A) 10

## PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2012

## *MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT) ORDER 2012*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2012**.

(2) Subsubperenggan 2*(a)*(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 9 Ogos 2011.

(3) Subsubperenggan 2*(a)*(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 April 2011.

(4) Subsubperenggan 2*(a)*(iii) dan subperenggan 2*(b)* disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

(5) Subsubperenggan 2*(a)*(iv) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 7 Januari 2011.

**Pindaan Jadual**

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [*P.U. (A) 222/2009*] dipinda—

*(a)* berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri —

(i) dengan memasukkan dalam ruang "*Nama*" dan "*Gelaran dan Nama Jawatan*" selepas perkataan "Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin" dalam ruang "*Nama*" perkataan yang berikut:



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| "Senator Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy | Menteri di Jabatan Perdana Menteri"; |

(ii) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan | Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009"; |

(iii) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Amanah Raya Berhad" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Kumpulan Industri - Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) | Meneroka dan menggalakkan pembangunan industri teknologi tinggi melalui pemanfaatan dan aplikasi strategik sains dan teknologi bagi pembangunan negara dan pemupukan teknologi tempatan bagi kemajuan industri<br><br>Membangun, melaksana dan menguruskan program *Foresight* Negara bagi mengenal pasti bidang teknologi keutamaan bagi |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

| | |
|---|---|
| | penyelidikan dan pembangunan dan kemajuan industri |
| | Melaksana, mengurus dan menyelaras pengauditan kompetensi industri dan penilaian prestasi aktiviti penyelidikan dan pembangunan |
| | Mengurus dan mengendalikan "Technology Depository Agency" |
| | Urus setia bagi Majlis Aeroangkasa Malaysia |
| | Urus setia bagi "Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC)"; |

(iv) dengan memasukkan dalam ruang "*Jabatan*" dan "*Perkara*" selepas perkataan "Teraju Bumiputera Corporation" dalam ruang "*Jabatan*" perkataan yang berikut:

| | |
|---|---|
| "Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia | Merancang, menerajui dan menyelaras pelaksanaan program pembangunan tenaga nuklear serta memastikan pembangunan infrastruktur nuklear negara selaras dengan garis panduan Agensi Tenaga |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia